

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN
KASSIM [ARAU]**

TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian sebagai peneraju bidang teknologi dan inovasi negara dalam mempercepat proses digitalisasi (*digitalization*) perkhidmatan Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Bidang teknologi dan inovasi di Sektor Awam adalah diterajui oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dengan kerjasama agensi Kerajaan yang lain. MAMPU telah menggarap strategi pendigitalan yang mengambil kira *emerging technologies* antaranya perkhidmatan pengkomputeran awan (cloud computing), perkhidmatan platform digital, kepintaran buatan (Artificial Intelligence) dan analitis data (data analytic). Perkara ini telah digariskan di dalam Pelan Pendigitalan Sektor Awam 2016-2020 dan kesinambungannya adalah pelan pendigitalan bagi tempoh 2021-2025.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa inovasi yang menjadi fokus Kerajaan ketika ini yang mana sebahagiannya telah dilaksanakan dan akan terus dipertingkatkan iaitu:

- i. Peningkatan dan peluasan perkhidmatan digital Kerajaan yang bersepadu, terangkum dan selamat;
- ii. Penggunaan analitis data raya sebagai satu perkhidmatan *Decision Support as a Service* kepada pentadbiran Kerajaan;
- iii. Kolaboratif strategik platform digital awam-swasta dalam ekosistem ekonomi digital; dan
- iv. Pengoptimuman sumber Kerajaan melalui kerjasama pengkomputeran awan Kerajaan dan Swasta.

3. Sehingga April 2020, Kerajaan telah menyediakan 4,098 perkhidmatan dalam talian di mana 36.7% adalah perkhidmatan secara *end-to-end* yang membolehkan rakyat mendapatkan perkhidmatan Kerajaan tanpa perlu datang ke kaunter tetapi dengan hanya menggunakan peranti, pada bila-bila masa sahaja. Sebagai contoh, sistem MalaysiaBiz membolehkan proses pendaftaran perniagaan, permohonan lesen-lesen yang berkaitan serta kelulusan diperolehi melalui satu gerbang perkhidmatan digital sahaja. Kerajaan

mensasarkan peningkatan kepada 40% perkhidmatan dalam talian sebegini, menjelang akhir tahun 2020.

4. Usaha-usaha pendigitalan perkhidmatan Kerajaan telah menghasilkan banyak data-data yang disimpan oleh pelbagai agensi Kerajaan. Teknologi analitis data raya (*big data analytic*) dilihat dapat menjadi inovasi yang membuka ruang kepada perkongsian data antara agensi Kerajaan dan swasta ke arah menghasilkan penemuan (*insights*) dan data analitis sama ada berbentuk deskriptif, diagnostik, prediktif atau preskriptif. Penemuan tersebut boleh membantu Kerajaan dalam pembuatan keputusan dan penggubalan dasar yang berpacukan data. Ia juga membuka ruang ke arah penerimgunaan (*adoption*) *artificial intelligence*.

Tuan Yang Dipertua,

5. MAMPU juga telah mempelopori pendekatan baharu bagi mempelbagaikan inisiatif digital Kerajaan. Pendekatan baharu yang berkonsepkan *industry-sourcing* ini melibatkan kolaboratif strategik awam-swasta tanpa sebarang kos kepada Kerajaan iaitu 100% pembiayaan adalah daripada sumber kewangan pihak swasta yang terlibat. Melalui kaedah ini, pulangan balik modal pelaburan pihak swasta akan didasarkan kepada mekanisme tertentu seperti caj kepada pengguna (*convenience fees*) atau pembayaran dari pihak ketiga (*third-party agreement*).

6. Melalui inisiatif pendigitalan ini, Kerajaan akan dapat meningkatkan produktiviti dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dan seterusnya dapat memudahkan urusan rakyat dengan agensi Kerajaan. Selain itu, usaha yang dijalankan ini dapat memudah cara hubungan Kerajaan dengan pihak industri yang secara langsung menyokong usaha pemulihan ekonomi negara ketika ini.

Sekian, terima kasih.